

## **Kajian Perbandingan Kurikulum Kemahiran Pelatih Mengikut Keperluan Industri Bagi Program Latihan Kemahiran Bidang Pertanian NATC**

**2013**

### **Abstrak**

Sektor pertanian sememangnya merupakan sektor yang terpenting bagi negara-negara membangun seperti Malaysia. Dalam menuju status negara maju menjelang tahun 2020, negara seharusnya dapat menjadikan sektor pertanian sebagai satu sektor yang penting dafam meningkatkan ekonomi negara serta pembangunan sumber manusia. Malah ia merupakan antara ciri terpenting yang membezakan status antara negara-negara membangun dan negara-negara maju. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi penekanan kepada pembangunan industri asas tani untuk meningkatkan pendapatan melalui pertumbuhan aktiviti pertanian. Program industri asas tani ini telah lama diusahakan oleh kementerian ini untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan yang tefah disasarkan. Untuk mewujudkan sektor pertanian yang benar-benar maju ini sebenarnya memerlukan pertambahan pengeluaran bahan makanan dan bukan makanan yang berasaf daripada hasil produk pertanian. Objektif kementerian ini adalah bersesuaian dan mematuhi piawaian, kualiti dan kesefamatan makanan supaya dapat mengembangkan dan menembusi pasaran luar. Selain daripada usaha meningkatkan pelabur dari industri ini, usaha yang sama juga dijalankan untuk mencari pelabur *lain* yang lebih berkaliber *dan* berpengalaman luas dalam industri pertanian. Perubahan cara pemikiran dan latihan boleh membantu dengan adanya maklumat yang tepat berdasarkan kepentingan dan potensi di dalam sektor ini. Kajian ini penting kerana ianya merupakan rujukan yang utama untuk pihak yang terlibat untuk mendapatkan keuntungan bersama terutamanya untuk menjadikan Sektor Pertanian *dan* Asas Tani negara lebih menarik. Malaysia mempunyai tenaga buruh hampir 9.6 juta orang. Sektor pekerjaan terbesar adalah perdagangan dan pefancongan yang mengambil bekerja 28% pekerja-pekerja. Sektor pembuatan mengambil pekerja sebanyak 27% dan pembuatan perindustrian menyumbang 44% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Sektor Pertanian (16%) dan